

Sistem baraj atasi bah besar

Oleh MULLER ASEN

KUCHING – Pendekatan jangka panjang Sarawak dalam menangani bencana banjir besar dengan menggunakan sistem baraj atau pembendung sungai akan diperluaskan ke negeri-negeri yang berisiko banjir.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, sistem pengawalan pasang surut air sungai yang diaplikasikan di Sungai Sarawak sebelum ini akan dibangunkan khususnya di Pahang, Kelantan dan Terengganu

terlebih dahulu.

Menurut beliau, Jabatan Pengairan dan Saliran perlu menjalankan kajian terperinci berhubung cadangan itu terlebih dulu sebelum ia dibentangkan di Kabinet kelak.

“Kerajaan mengetahui kos untuk pembinaan baraj adalah tinggi, namun ia terbukti berkesan dalam mengawal limpahan air sungai ketika musim hujan selain mengimbangi paras air laut ketika pasang.

“Justeru, kita merancang untuk mempraktikkan penggunaan sistem baraj ini di Pahang, Kelantan,

Terengganu sebagai usaha jangka panjang bagi mengatasi banjir di negeri terbabit,” katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri Taklimat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPNS) di Wisma Bapa Malaysia di sini semalam.

Turut hadir, Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satem, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim dan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek serta Pengerusi JPNS, Tan Sri Alfred Jabu Numpang.



AHAMAD ZAHID (empat dari kanan) diberi penerangan oleh Pengawal Lembaga Sungai Sarawak, William Jinep (dua dari kanan) yang disaksikan oleh Ahmad Shabery (kanan) semasa melawat sistem baraj di Sungai Sarawak, Sejingkat, Kuching semalam.